



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

10 Ogos 2017

Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan Laporan PAC Parlimen Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan Di Bawah Kementerian Kesihatan.

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Pengurusan Bekalan Ubat Di Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan di Dewan Rakyat.
- 2) Isu ini dibangkitkan dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2015 Siri 2 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 21 November 2016.
- 3) Berikutan itu, PAC Parlimen memulakan prosiding untuk isu Pengurusan Bekalan Ubat di Klinik Kesihatan pada 7 Disember 2016 dengan memanggil Datuk Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan dan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan bagi memberikan penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan.
- 4) Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
 - i) Ubat Lewat Dibekalkan dan Penguatkuasaan Denda; dan
 - ii) Penyimpanan Stok Ubat;
- 5) Berdasarkan kenyataan daripada saksi-saksi yang dipanggil memberikan keterangan di hadapan PAC Parlimen, Jawatankuasa ini sebulat suara merumuskan bahawa:
 - i) Jawatankuasa ini, berpuas hati dengan penjelasan yang diberikan Kementerian Kesihatan terutamanya bagi aspek penambahbaikan dalam penyimpanan stok ubat serta kawalan dalaman untuk perolehan ubat.
- 6) Berdasarkan rumusan berkenaan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara seperti berikut untuk tujuan penambahbaikan akan datang:
 - i) Meminta supaya Kementerian Kesihatan mengambil tindakan dengan Jabatan Audit Negara (JAN) untuk mengisi kekosongan jawatan di Bahagian Audit Dalaman KKM bagi mengukuhkan kawalan dalaman dan pengurusan perolehan ubat;
 - ii) Peraturan / prosedur kewangan perlu sentiasa dipatuhi terutama dalam aspek perolehan, pentadbiran kontrak dan pengurusan bayaran serta meningkatkan aspek pemantauan prestasi pembekal;

- iii) Kementerian Kesihatan perlu meningkatkan publisiti dan kesedaran di kalangan rakyat bagi mengelakkan pembaziran ubat; dan
 - iv) Kementerian Kesihatan perlu mempercepat pelaksanaan sistem-sistem teknologi maklumat (IT) yang dibangunkan bagi memastikan pengurusan ubat lebih cekap.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Pengurusan Bekalan Ubat di Klinik Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan boleh memuat turun (download) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia